

# Selangor tumpu bangun Sungai Klang dan Pulau Indah

Sinar Harian 02/03/2018 M/S 20

berkata, isu pencemaran sangat kritikal di Sungai Klang sehingga perkembangan pekan Klang yang suatu ketika dulu menjadi bandar utama sekarang ini dilihat semakin tertinggal berbanding lokasi bandar lain di Selangor.

"Sebelum tahun 2015, terdapat kira-kira 1,500 lokasi atau punca pembuangan sisa industri ke dalam Sungai Klang membuatkan tahap pencemaran sungai itu sangat kritikal, kalau melihat kepada indeks kualiti air berada pada tahap 3-4, sangat teruk.

"Jadi antara langkah awal kita sejak tahun 2015 ialah proses pembersihan Sungai Klang," katanya.

Raja Shahreen berkata, pemulihan Sungai Klang sejak 2015 semakin membuahkan hasil baik berdasarkan data yang dikumpul termasuk dari segi kualiti air dan perkembangan biodiversiti sungai yang dilihat semakin positif dari semasa ke semasa.

"Kita mahu pastikan persekitaran dan biodiversiti Sungai Klang dapat dipulih dan dikekalkan, dengan adanya kawasan hijau sepanjang jajaran sungai, ada kawasan paya bakau yang boleh dinikmati oleh rakyat dan residen di Selangor.

"Kita akan pastikan kampung dan penempatan di pesisir sungai dikekalkan atau ditambah baik seperti Kampung Delek dalam masa sama menghidupkan kembali pekan Klang. Kita mahu Klang kembali membangun seiring dengan perkembangan pusat bandar lain sedia ada seperti Petaling Jaya dan Ampang, malah akan memberi nafas baru kepada bandar-bandar ini.

"Namun ciri-ciri dan keunikannya pekan Klang seperti nilai sejarahnya kita akan kekalkan juga agar Klang kembali menjadi satu kawasan penempatan yang ikonik," katanya.

aduan yang diterima daripada penduduk di seluruh negeri Selangor.

"Dalam konteks pengurusan air pula, kita akan memastikan langkah yang diambil dapat meminimumkan kesan *Non-Revenue Water* (NRW) dengan memberi tumpuan kepada memastikan bekalan air bersih dan selamat melalui pembersihan sungai.

"Vendor yang dilantik untuk pembersihan dan pemulihan sungai akan bertanggungjawab untuk memasang perangkap sisa, mengumpul dan melupuskan serpihan dan apa-apa bentuk sisa," katanya.

Menurutnya, dalam proses memulihkan Sungai Klang terdapat tiga fasa projek, fasa satu dan dua akan memberi tumpuan kepada pembersihan dan fasa tiga akan memberi tumpuan kepada pembangunan tebing sungai.

## Pulau Indah sebagai Smart Island

Dalam pada itu, Raja Shahreen menjelaskan pihaknya turut melihat kepada perkembangan pembangunan pintar di Pulau Indah seterusnya mengangkat lokasi berkenaan sebagai Smart Island yang pertama seumpamanya.

Menurutnya, Pulau Indah akan dibangunkan sebagai sebuah penempatan pintar secara bersepadu dan akan menyediakan kesemua infrastruktur utama termasuk pemasangan fiber optik dan sebagainya bagi memudahkan jaringan perhubungan.

"Jadi dengan kemudahan infrastruktur ini, pihak berkuasa tempatan atau pemaju lain tidak perlu bimbang lagi soal jaringan perhubungan untuk masa akan datang yang perlu disediakan termasuk aspek keselamatan, transaksi tanpa tunai, soal pengurusan tenaga dan sebagainya.

"Kesemua ini akan menggunakan infrastruktur yang sama dan bila kesemua

secara tidak langsung akan menjimatkan kos," katanya.

Pulau Indah juga akan mengalami transformasi menjadi Selangor Bio Bay yang berperanan sebagai penyumbang kepada ekonomi negeri dan memperkukuh usaha transformasi negeri sebagai sebuah negeri pintar serantau.

"Pembangunan Selangor Bio Bay adalah anjakan strategik menuju Industri 4.0 yakni anjakan paradigma kepada industri berasaskan inovasi kreatif, teknologi digital tinggi serta pengetahuan ekonomi.

"Pembangunan Selangor Bio Bay yang akan dilaksanakan di atas tapak melebihi 1,000 ekar akan mencipta peluang pekerjaan dan perniagaan yang akan memacu kemajuan Bio Bay sebagai taman bioteknologi pertama dengan ekosistem yang unggul," katanya.

## Falsafah citizen centric

Selain itu, Raja Shahreen berkata, konsep atau falsafah utama bagi model Selangor sebagai negeri pintar adalah berdasarkan falsafah citizen centric iaitu berdasarkan kepada memenuhi keperluan kemahuan dan kepentingan rakyat Selangor itu sendiri.

Dalam rangka pelan negeri pintar, paling utama ialah rakyat memainkan peranan yang aktif berbanding teknologi dalam menangani cabaran semasa yang perlu dihadapi.

Katanya, inovasi dan penambahbaikan dari semasa ke semasa dilihat amat penting dalam memupuk pertumbuhan ekonomi dengan memanfaatkan teknologi terkini sebagai penggerak utama.

"Setiap pelan pembangunan melalui SSDU bertujuan untuk menangani cabaran yang perlu kita hadapi, merangsang pelaburan, meningkatkan kecekapan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada

## Misi menuju negeri pintar menjelang 2025

MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM

Kerajaan negeri melalui Pembedanaan Menteri Besar (MBI) akan memberi fokus kepada proses pemulihan Sungai Klang serta Pulau Indah untuk memberi nafas baharu agar aset negeri itu dapat menonjol menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi negeri yang baharu.

Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman berkata, langkah itu menjadi antara fokus utama pihaknya dalam merealisasikan hasrat kepimpinan kerajaan negeri untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri pintar.

"Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali telah menetapkan visi untuk melihat Selangor menjadi sebuah negeri pintar atau *Smart State* di rantau ini

menjelang tahun 2025.

"Itu cabaran yang diberikan kepada kita menerusi Smart *Selangor Delivery Unit (SSDU)* untuk merealisasikan sebuah negeri pintar yang berpusat kepada rakyat atau *citizen centric*.

"Justeru, antara fokus utama kita pada tahun 2018 ialah memberikan nafas baharu kepada Sungai Klang dan Pulau Indah agar menjadi aset negeri yang akan memacu perkembangan ekonomi di Selangor," katanya.

Sungai Klang yang pada suatu ketika menjadi titik perkembangan dan kemajuan negeri pada hari ini dilihat seakan aset yang diabaikan malah dirosakkan hingga jajaran sungai itu sinonim dengan isu pencemaran sehingga kepada kemusnahan biodiversitinya.

### ***Sungai Klang sebagai pemacu ekonomi baharu***

Raja Shahreen yang juga Pengarah SSDU


### ***Pengurusan sisa berhemah***

Bercakap soal pengurusan sisa di Selangor, Raja Shahreen berkata, pihaknya mengambil langkah yang dilihat mampu membantu kerajaan negeri untuk mengurus sisa buangan secara lebih komprehensif.

Melalui Pusat Kawalan dan Perintah (CCC), menurutnya, setiap keputusan dan tindakan berkaitan pengurusan sisa akan dilakukan melalui penilaian data yang dikumpul termasuk aduan dan penilaian penduduk menerusi aplikasi tertentu.

"Untuk memastikan pengumpulan sisa dan sampah yang cekap, kita juga mempunyai sistem bagi memantau pergerakan lori dan kompaktor melalui sistem GPS selain mengumpul data dan

pihak dapat bersama-sama dalam rangka ini generasi akan datang," ujarnya.



**Sungai Klang berpotensi menjadi aset dan pemacu kepada perkembangan ekonomi baharu di Selangor**